



**KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**ARAHAN PENUTUPAN PREMIS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN KERANA WABAK COVID-19**

1. Berdasarkan perkembangan semasa dan langkah untuk mengekang wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan menentukan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini **semua premis yang dibenarkan beroperasi termasuk kedai serbaneka 24 jam, stesyen minyak, kiosk di stesen minyak** ditutup bermula jam **7 petang hingga 7 pagi** termasuk khidmat pandu lalu (*drive-through*).
2. Arahan ini berkuatkuasa mulai 24 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 atau sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ditarik balik.
3. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas bagi memastikan arahan ini dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
YB Setiausaha Kerajaan Pahang
23 Mac 2020